


**Bahagian A**  
(40 markah)  
Jawab semua soalan

1 Ilustrasi 1 menunjukkan susun lapis masyarakat dalam tamadun Hwang Ho.



Ilustrasi 1: Susun lapis masyarakat Hwang Ho

(a) Apakah golongan yang mewakili X ?

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(b) Berdasarkan jawapan di 1(a) nyatakan peranan golongan X.

.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (c) Bagaimanakah golongan bangsawan, pembesar dan pegawai kerajaan dalam tamadun Hwang Ho memberi sumbangan bagi memastikan kemakmuran tamadun berterusan.

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (d) Mengapakah masyarakat dalam tamadun awal perlu mempunyai susun lapis masyarakat yang teratur?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2 Aktiviti perdagangan yang berlaku sejak abad ke-12 hingga abad ke-18 telah merangsang perkembangan penggunaan mata wang dan percukaian di Alam Melayu.

(a) Nyatakan kegunaan mata wang pada masa itu.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Berdasarkan jawapan di 2(a), jelaskan ciri-ciri mata wang tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Hasil cukai merupakan sumber terpenting bagi kebanyakan negara termasuk Malaysia bagi membiayai pembangunan negara.

Sumber: <https://www.ums.edu.my/fksw/images/files/--BIL12-2006/Pengetahuan%20Cukai.pdf>

Buktikan kebenaran pernyataan di atas.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

3 Apabila imperialis Barat berjaya menguasai Asia Tenggara, sistem birokrasi Barat telah diperkenalkan bagi menggantikan pemerintahan tradisional.

(a) Nyatakan ciri-ciri umum sistem birokrasi di Asia Tenggara.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Kedatangan imperialis Barat telah melaksanakan banyak perubahan khususnya dalam pentadbiran di Tanah Melayu.

Jelaskan perubahan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Jelaskan kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap sistem pentadbiran di Asia Tenggara.

Gunakan pengetahuan sejarah anda.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- 4 Rajah 1 menunjukkan struktur badan perundangan di negara kita.



Rajah 1

- (a) Nyatakan peranan badan perundangan.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan tentang:

- (i) Dewan Negara

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Dewan Rakyat

.....

.....

.....

[2 markah]

(c) Bagaimanakah usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran di Malaysia?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini.*

- 5 Senarai 1 menunjukkan kerajaan awal di Asia Tenggara.

<b>Kerajaan Agraria</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Sailendra</li><li>• Sukhotai</li><li>• Angkor</li></ul>

Senarai 1

- (a) Jelaskan kegiatan ekonomi kerajaan agraria di atas.

[4 markah]

- (b) Tasik Tonle Sap penting kepada kehidupan masyarakat Angkor.

Buktikan.

[8 markah]

- (c) Strategi pembangunan pertanian yang bersepadu dan lebih dinamik perlu digubalkan oleh pihak-pihak berkaitan.

Sumber: <http://eprints.utm.my/id/eprint/5024/1/pertanian.pdf>

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah strategi pembangunan pertanian yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memajukan sektor utama negara?

[8 markah]

6 Kerajaan Islam Turki Uthmaniyah mampu bertahan selama hampir 600 tahun dan memiliki wilayah pengaruh yang sangat luas.

(a) Bagaimanakah pembentukan kerajaan Turki Uthmaniyah?

[4 markah]

(b) Kerajaan Turki Uthmaniyah telah memberi sumbangan yang besar kepada perubahan peradaban dunia.

Buktikan.

[8 markah]

(c) Kerajaan Turki Uthmaniyah telah memperkenalkan sistem yang **menggalakkan kecemerlangan individu** dan kesannya, pembahagian masyarakat Eropah bergantung kepada hasil usaha individu.

Konsep kecemerlangan individu dapat meningkatkan ketamadunan manusia.

Bincangkan.

[8 markah]

7

Sekitar tahun 1910-1920, penyakit malaria telah mengorbankan sekitar 200 000 orang di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Antara penyakit yang mudah berjangkit termasuklah malaria, taun, beri-beri, demam campak dan batuk kering.

Sumber: *The Encyclopedia of Malaysia*

(a) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah berlakunya penularan penyakit tersebut ketika itu?

[4 markah]

(b) Jelaskan usaha-usaha British dalam menangani wabak tersebut di Tanah Melayu.

[8 markah]

(c) Mengapakah aspek kesihatan rakyat menjadi keutamaan dalam sesebuah negara?

[8 markah]



8 Senarai 2 merupakan antara ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- |                                                                                                 |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Kedaulatan</li><li>• Keunggulan undang-undang</li></ul> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|

Senarai 2

(a) Jelaskan ciri-ciri tersebut dalam Kesultanan Melayu Melaka.

[6 markah]

(b) Terangkan kesan keunggulan undang-undang dalam pembinaan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

[6 markah]

(c) Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka dijadikan teras dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia?

[8 markah]

9 Pakatan murni telah terbentuk sejak sebelum pembentukan Parti Perikatan.

(a) Berikan maksud pakatan murni?

[4 markah]

(b) Jelaskan usaha yang telah dilaksanakan untuk menjayakan pakatan murni sebelum terbentuknya Parti Perikatan.

[8 markah]

(c) Pakatan Murni amat penting dalam masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu ketika itu.

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut dalam konteks Malaysia kini.

[8 markah]

- 10 Menyedari kedudukan ketidakseimbangan sosial ekonomi, kerajaan telah mengusahakan satu pendekatan baru dalam rancangan pembangunan negara yang melibatkan program 20 tahun yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru.

Sumber : [https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR\\_EKONOMI\\_BARU.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR_EKONOMI_BARU.pdf)

- (a) Nyatakan matlamat Dasar Ekonomi Baru. [4 markah]
- (b) Terangkan pendekatan dan langkah yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat dasar tersebut. [8 markah]
- (c) Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berjaya mengurangkan masalah kemiskinan masyarakat luar bandar.

Buktikan.

[8 markah]

- 11 Gambar 1 ialah logo Persatuan Persidangan Islam (OIC).



Gambar 1

- (a) Jelaskan peranan OIC terhadap negara-negara anggota. [4 markah]
- (b) Terangkan sumbangan Malaysia dalam usaha mengekalkan kesejahteraan dan keamanan dunia melalui OIC. [8 markah]
- (c) Sebagai pemimpin masa depan, cadangkan cara untuk meningkatkan peranan OIC pada peringkat global? [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**